

1600 dijangka sertai Sukan Muhibah UMT

SH 05/07/07 Pj-722

KUALA TERENGGANU - Kira-kira 1,600 mahasiswa dan mahasiswi Universiti Malaysia Terengganu (UMT) dijangka akan mengambil bahagian dalam Sukan Muhibah Kali Ke-2 pada 13 dan 14 Julai ini.

Penolong Pegawai Belia dan Sukan UMT, Jassmin Johari berkata, kejohanan dua hari kelolaan Pusat Sukan UMT itu akan mempertandingkan enam acara utama, iaitu bola jaring, futsal, bola tampar, bola keranjang, badminton campuran dan larian muhibah.

"Kejohanan ini bertujuan merapatkan hubungan mahasiswa dan mahasiswi yang berbilang kaum melalui acara sukan, selain membudayakan cara hidup sihat di kalangan mereka.

"Ia juga diharap dapat mengukuhkan keakraban sesama kaum dan mewujudkan pertukaran budaya dan pengalaman antara mereka," katanya.